

# **KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

**(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)**

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (lbu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org.my>

 : Kesatuan Perkhidmatan Perquruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden Setiausaha Agung**

**Presiden**  
**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

Setiausaha Agung

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

# **KENYATAAN AKHBAR**

**Kepada : Ketua Pengarang  
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK  
Setiausaha Agung  
NUTP**

Telefon Bimbit : 0126358065

Tarikh : 23 Oktober 2018


PENGAKHIRAN BEBAN TUGAS GURU YANG TIDAK RELEVAN

Kerjaya guru atau cikgu sangat mulia kerana mereka yang mendidik anak bangsa rakyat Malaysia menjadi insan berguna. Ada sebahagian dikalangan anak bangsa rakyat Malaysia berkenaan telah mengharumkan nama negara Malaysia dan berjaya meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju yang lain.

Guru juga boleh diumpamakan sebagai lilin yang membakar diri bagi menerangkan orang lain. Disebalik membicarakan perihal kerjaya seorang guru, ada sesetengah pihak tidak tahu disebalik pengorbanan dan jasa mereka bukan sebagai seorang pendidik sahaja. Guru juga banyak dibebani dengan tugas-tugas perkeranian dan tidak dinafikan beban tugas yang dihadapi guru kini semakin hari semakin berat dan kritikal.

Malahan di dada akhbar juga telah sekian lama membicara perihal beban tugas guru yang seolah-olah tiada pengakhirannya. NUTP juga banyak membawa isu-isu yang dibangkitkan oleh guru yang kebanyakkan mereka merupakan Ahli NUTP. NUTP kini menjadi seperti orang tengah yang banyak mendengar rintihan apabila dibangkitkan dengan kerja-kerja perkeranian ini.

.../2/



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org.my

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-2-

Susulan itu, NUTP telah membawa isu ini ke pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan beliau telah mengarahkan seorang Pegawai Khas beliau untuk membantu NUTP. Pertemuan dengan Pegawai Khas tersebut sebanyak empat (4) kali telah banyak membantu NUTP dan akhirnya NUTP telah berjaya mengadakan Bengkel Beban Tugas Guru Penolong Kanan Pentadbiran/HEM dan Kokurikulum bagi melihat sejauh mana beban tugas yang dihadapi oleh guru-guru di Malaysia.

NUTP amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia yang memahami bebanan yang dihadapi oleh guru-guru. Kini, sekali lagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia memberi sokongan usahasama dengan memberi ruang untuk NUTP membuat engagement dengan pihak-pihak yang berkaitan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menangani dan seterusnya dapat menyelesaikan isu beban tugas guru yang boleh dikatakan rebrand atau penjenamaan semula ke tugas-tugas guru yang tidak relevan.

Pada pandangan NUTP, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia amat memahami dan merasai bebanan yang dipikul oleh guru-guru Malaysia. Kini, NUTP telah mengadakan engagement dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebanyak 2 kali. Dalam sesi engagement tersebut NUTP berharap agar sebahagian isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan sebaiknya dengan melihat mana yang perlu dikekalkan, mana yang perlu dimansuhkan dengan justifikasi dan mana yang perlu dikekalkan dengan penambahbaikan. Di pihak NUTP cuma mengharapkan agar guru-guru dapat kembali ke tugas rasmi mereka iaitu mengajar dan banyak face time dengan murid/pelajar.

**HARRY TAN HUAT HOCK, PJK**

**SETIAUSAHA AGUNG**

**NUTP**